

Herba Berpotensi di Malaysia

DE 12.10.2018 5

BUKU bertajuk Herba Berpotensi Di Malaysia merupakan perkongsian daripada penulis sebagai seorang usahawan, pembimbing, pendorong dan berpengalaman dalam industri pembangunan herba.

Beliau berpendapat rahsia herba perlu didedahkan kepada umum, memandangkan ia merupakan ilmu yang perlu diketahui dan dipelajari tanpa mengira bangsa dan peringkat umur.

Dalam buku ini telah dihuraikan sebanyak 38 jenis herba yang terdapat di Malaysia. Penulis berharap pembaca dapat mengenali herba-herba dari segi fizikal, teknik pembiakan, teknik hasil secara tradisional dan potensinya pada masa hadapan.

Contohnya, Brotowali atau Patawali ialah *Tinospora crisa* dalam famili Menispermaceae merupakan tumbuhan menjalar, mempunyai batang berwarna hijau serta bintik-bintik rapat, mengandungi air dan rasanya pahit.

Daunnya berwarna hijau berbentuk jantung dengan lebar 6-12 cm dan panjangnya 7-12 cm. Brotowali boleh hidup di tempat panas dan biasa ditanam di ladang atau di halaman rumah berhampiran pagar. Di antara khasiat brotowali ini ialah sebagai ubat demam pengganti ubat kuini di Indonesia.

Di Filipina, brotowali digunakan sebagai ubat penawar bisa dan ubat penyakit gila. Dari segi perubatan tradisional tempatan pula digunakan untuk merawat kudis dengan mengambil batang brotowali yang ditumbuk halus bersama belerang dan di campur dengan minyak kelapa.

Pokok Derhaka Mertua atau nama saintifiknya *Plumbago indica* dalam famili *Plumbaginaceae*, merupakan pokok renek mempunyai batang separa kayu dan ranting yang mudah lentur.

Daunnya berbentuk bujur serta runcing pada bahagian hujung dan permukaan daunnya licin dan berkilat di samping mempunyai bunga yang cantik berwarna merah terang.

Ia tumbuh di tanah yang subur serta terlindung daripada cahaya matahari yang terik.

Menurut amalan perubatan tradisional, akar herba yang telah direbus boleh diminum untuk merawat penyakit seperti sembelit, batuk, bronkitis dan angin dalam perut.



Jarum Tujuh Bilah yang juga dikenali sebagai bintang tujuh, pokok kanser danchat sim chan, atau nama saintifiknya *Pereskia scharosa* dalam famili *Cactaceae*.

Batang tumbuhan ini mempunyai tujuh duri yang tajam berhampiran setiap helaian daun. Menurut penulis, herba ini boleh merawat kanser, terutamanya kanser kolon kanser hidung dan beberapa kanser lain.

Seterusnya, Jerangau atau *Acorus calamus* merupakan tumbuhan separa berair. Ia mempunyai aroma yang tersendiri terutama pada bahagian rizom dan daunnya. Kulit rizomnya berwarna coklat muda dengan warna putih di dalamnya. Bunganya berwarna kuning, kecil dan keluar daripada ketiak daunnya.

Lazimnya daun dan rizom jerangau dijadikan minyak bagi mengubati sakit perut disebabkan gastrik. Bagi masyarakat Jawa di Malaysia jerangau digunakan sebagai satu persediaan untuk menyambut bayi bagi wanita yang hendak bersalin kerana baunya dipercayai mampu mengusir makhluk halus seperti syaitan dan hantu.

Lempoyang atau *Zingiber zerumbet* merupakan spesies halia. Lempoyang berdaun besar dan lebar serta mempunyai pelapah yang melekap pada batang. Batangnya berwarna hijau muda dan mempunyai akar yang bertukar menjadi ungu apabila sudah tua.

Buah Lempoyang tumbuh dengan ketinggian lebih kurang 30-50 cm dari atas tanah. Ia tumbuh tercacak seperti bunga kantan, cantik dan berbau wangi. Secara tradisional, Lempoyang biasa

digunakan oleh bidan sebagai salah satu ramuan bagi penyediaan jamu periuk atau jamu segar terutamanya untuk rawatan ibu yang baru bersalin.

Herba Lidah Buaya pula atau Aloe vera yang dipercayai telah digunakan sejak lebih 3000 tahun yang lalu di Mesir dan Greek untuk merawat luka dan masalah jangkitan kulit.

Sebahagian masyarakat dunia mengenali pokok Lidah Buaya sebagai "pohon ajaib" dan pohon bantuan kecemasan. Barangan serta produk hasil daripada Lidah Buaya yang biasa terdapat di pasaran adalah seperti jus atau minuman, krim muka, gel, syampu, krim antiseptik dan makanan tambahan dalam diet. Herba Lidah Buaya boleh ditanam melalui bijih benih atau pengasingan anak yang terhasil dari sisi induk.

Seterusnya ialah Limau Purut atau *Citrus hystrix* yang juga dikenali dengan nama lain seperti jeruk purut di Indonesia, bai makrut di Thailand, dan keiffer lime di Amerika Syarikat. Buah limau purut mempunyai kulit yang berkedut, tebal dan tidak mempunyai banyak air. Daun limau purut mempunyai bentuknya yang tersendiri serta unik dengan tangkai daun bersayap yang memberi gambaran seolah-olah dua helai daun bercantum hujung dengan hujung.

Aroma dan rasa limau purut dianggap istimewa dan sering digunakan dalam masakan tomyam di Thailand. Asid sitrik yang terdapat dalam limau purut dapat membantu mengekalkan kelembapan kulit sementara vitamin dalam limau purut ini dapat meningkatkan daya ingatan dan membantu menurunkan tekanan darah tinggi.


Tumbuhan Mahkota Dewa atau nama saintifiknya *Phaleria Macrocarpa* mempunyai sifat anti barah dan antioksidan dapat merawat penyakit seperti selesema, tekanan darah tidak stabil, kencing manis, hipertensi reumatik, alergi, infeksi organ hati dan jantung. Manakala, Mas Cotek atau

nama saintifiknya *Ficus deltoidea* dalam famili *Moraceae*, yang juga dikenali sebagai sempit-sempit di Sabah, serapat, tabat barito di Indonesia, mistletoe fig di Amerika Syarikat dan kangkalibang di Afrika, sering digunakan oleh pengamal perubatan tradisional di pantai timur Semenanjung Malaysia untuk rawatan khususnya untuk wanita selepas bersalin.

Mengkudu yang nama saintifiknya *Morinda citrifolia* boleh dijadikan rawatan alternatif bagi mengatasi masalah kanser, kolesterol, jantung, gangguan pencernaan, diabetes, tekanan darah tinggi dan meningkatkan pengaliran haid.

Buku ini sangat bermanfaat bagi mereka yang ingin mengetahui herba-herba tradisional dan khasiatnya kepada kesihatan dan perawatan diri di samping mengambil peluang untuk meningkatkan ekonomi melalui sektor penanaman herba dan penghasilan produk herba.

Oleh yang demikian, untuk mengetahui lebih lanjut tentang herba lain yang terdapat dalam buku ini, sila lawati laman sesawang Perpustakaan Negeri Sabah di www.ssl.sabah.gov.my atau hubungi talian 088-231623, 214828 atau 256192 untuk mengetahui ketersediaan buku tersebut. Bagaimanapun buku-buku ini mungkin mengambil masa untuk dihantar ke perpustakaan di luar Kota Kinabalu, sila berhubung dengan perpustakaan terdekat untuk tempahan pinjaman.



Tajuk: Herba Berpotensi di Malaysia

Penulis: Nasnan Jajuli

Penerbit: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Tebal: 120 Muka Surat

Pengulas: Mahat Jamal, Program Komunikasi, Fakulti

Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah